

# Bengkel Pengurusan Makmal

## Siri Pertama 2014

### Fakulti Sains dan Sumber Alam

Artikel oleh:  
FAIRENDY FAIRUZ

Fakulti Sains dan Sumber Alam telah berjaya mengadakan Bengkel Pengurusan Makmal kali pertama sejak transformasi menjadi Fakulti yang mana bengkel ini disampaikan oleh kakitangan akademik fakulti bagi memantapkan lagi kemahiran dan pengetahuan secara teori dan amali dalam pengurusan makmal kimia, biologikal dan fizikal. Bengkel ini telah berlangsung selama dua hari dari 19 sehingga 20hb Ogos 2014. Perasmian Bengkel telah disempurnakan oleh Yang berusaha Dekan FSSA, Prof. Madya Dr. Baba Musta bertempat di Bilik Seminar Kompleks Sains dan Teknologi. Seramai 28 orang peserta dari FSSA dan 8 orang peserta luar yang terdiri dari Kakitangan Makmal Pusat Penyelidikan & Inovasi, Pusat Persediaan Sains dan Teknologi dan Institut Penyelidikan Biologi Tropika dan Pemuliharaan. Peserta-peserta turut dinilai melalui ujian penilaian dua minggu selepas bengkel bagi menguji komitmen dan keberkesanan bengkel. Tajuk-tajuk modul bengkel pada kali ini terdiri daripada;

1. Asas computer : Microsoft Excel
2. Biologi : Penyediaan larutan buffer dan media
3. Kimia : Penyediaan dan analisis sampel menggunakan UV/Vis Spectrophotometer (Perkin Elmer Lambda 25)
4. Geologi : Pengenalan analisis Geokimia dan Geologi Kejuruteraan
5. Fizik dengan Elektronik : Oscilloscope / Transformer analysis

